

**PENGARUH FAKTOR FIZIKAL DAN PERSONALITI TERHADAP  
TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN MEMBAKUT,  
KOTA KINABALU**

**VIJAYA SUBRAMANIAM**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS  
DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM MATEMATIK DENGAN EKONOMI  
SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**April 2007**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Pengaruh faktor fizikal dan personaliti

terhadap tahap pencapaian akademik  
pelajar Sek. Men. Kab. Membakut, Kota Kinabalu.

Ijazah: Ijazah Sarjana Muda Kepujian Pengan  
Kepujian Matematik Dengan Ekonomi  
 SESI PENGAJIAN: 2004/2007

Saya NIJAYA SUBRAMANIAM  
 (HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (LPS/Sarjana/Doktor Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

S. Nijaya  
 (TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh  
J. A. M. A.  
 (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: No. 24, LOT 5201,  
TAMAN AMAN,

Prof. Madya Dr. Amran Ahmed  
 Nama Penyelia

4520 SABAK BERNAM,  
SELANGOR

Tarikh: 20/04/07

Tarikh: 20/04/07


CATATAN: \* Potong yang tidak berkenaan.  
 \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.  
 @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).



## PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.

20 April 2007




VIJAYA SUBRAMANIAM

HS 2004 - 2758



**DIPERAKUKAN OLEH****Tandatangan**

1. PENYELIA  
(PRO. MADYA DR. AMRAN AHMED)




---

2. PEMERIKSA  
(PUAN DARMESAH BT GABDA)



---

3. DEKAN  
(PRO. MADYA DR. SHARIFF A.K OMANG)



---



## PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kepada tuhan kerana akhirnya projek tahun tiga dapat disempurnakan walaupun menghadapi pelbagai masalah sepanjang menjalankan projek ini. Saya juga amat berterima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr.Amran Ahmed yang sentiasa memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam menyiapkan projek ini.

Tidak ketinggalan , jutaan terima kasih buat kawan-kawan saya yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu menyiapkan projek ini.

Sekian,

VIJAYA SUBRAMANIAM

APRIL 2007





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan faktor fizikal (jantina, berat dan tinggi serta penglihatan) dan personaliti terhadap tahap pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian ini, seramai 42 orang pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 aliran Sains dari Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut telah terlibat. Data bagi kajian ini diperoleh daripada rekod kad persekolahan pelajar (001) yang mengandungi butir peribadi pelajar, keputusan peperiksaan akhir tahun dan juga personaliti pelajar bagi tahun 2006. Analisis reliabiliti menunjukkan bahawa soalan-soalan dalam kad 001 mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Korelasi Pearson menunjukkan bahawa berat dan ketinggian tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Ujian-t sampel tidak bersandar pula menunjukkan bahawa tiada perbezaan pencapaian akademik di antara pelajar yang mempunyai penglihatan yang baik dengan pelajar yang menghadapi masalah penglihatan. Ujian ini juga menunjukkan bahawa personaliti pelajar tidak berbeza mengikut jantina. Hasil analisis faktor menunjukkan pembolehubah matapelajaran dapat dibahagikan kepada dua faktor yang dinamakan bidang konsep dan bidang kemahiran. Daripada analisis ini juga, didapati personaliti pelajar terbahagi kepada dua faktor. Kajian ini juga mendapati pelajar lelaki mempunyai keputusan yang lebih baik dalam matapelajaran seperti Kimia, Sejarah, Fizik, Biologi dan Matematik Tambahan dengan min markah masing-masing adalah 40.57, 59.43, 33.67, 44.38 dan 28.90. Pelajar perempuan pula mengatasi pelajar lelaki dalam mata pelajaran seperti Pendidikan Agama serta Moral dan EST (English in Science and Technology) dengan min markah 58.45 dan 63.76. Pelajar dengan personaliti positif juga menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam akademik.



The influence of physical and personality factors on student's academic achievement  
from Sekolah Menengah Kebangsaan Membakut, Kota Kinabalu.

ABSTRACT

The main aim of this study is to identify the relationship between physical (gender, height and weight and vision) and personality factors toward academic achievement. A total of 42 students of form 4 and form 5 science from Membakut Secondary School in Kota Kinabalu were involved in this study. The data was obtained from student's valuation card (001) which contains personal details, academic result and personality report of the students for the year 2006. Reliability test shows that records in Card 001 are highly reliable. The Pearson Correlation analysis shows that there is no relationship between height and weight with academic achievement of the students. The Independent groups t-test shows that there is no difference in academic achievement between students who have good and poor vision. This test also shows that student's personality does not differ by their gender. Factor analysis result show that, there are two factors for the subjects namely skill and concept. This analysis also shows that the personality factors can be simplified to two. This study also found that male students have better academic achievement in subjects like Chemistry, History, Physics, Biology and Additional Mathematics with mean score 40.57, 59.43, 33.67, 44.38 and 28.90 respectively. Female students have better achievement in subjects like Islamic and Moral studies and EST (English in Science and Technology) compared to male students with mean score 58.45 and 63.76 respectively. Students with good personality also show better academic achievement.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

|                   |     |
|-------------------|-----|
| PENGAKUAN         | ii  |
| PENGESAHAN        | iii |
| PENGHARGAAN       | iv  |
| ABSTRAK           | v   |
| ABSTRACT          | vi  |
| SENARAI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL    | x   |
| SENARAI RAJAH     | xii |

### **BAB 1      PENDAHULUAN**

|                           |    |
|---------------------------|----|
| 1.1 Pengenalan            | 1  |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 5  |
| 1.3 Tujuan Kajian         | 9  |
| 1.4 Objektif Kajian       | 9  |
| 1.5 Skop Kajian           | 10 |

### **BAB 2      ULASAN PERPUSTAKAAN**

|                           |    |
|---------------------------|----|
| 2.1 Faktor Fizikal        | 12 |
| 2.1.1 Jantina             | 12 |
| 2.1.2 Berat dan Tinggi    | 15 |
| 2.1.3 Masalah Pendengaran | 18 |
| 2.1.4 Masalah Penglihatan | 18 |
| 2.2 Faktor Personaliti    | 19 |
| 2.2.1 Kerjasama           | 20 |
| 2.2.2 Keyakinan           | 22 |
| 2.2.3 kelakuan            | 23 |
| 2.3 Faktor Demografi      | 23 |





|                                |    |
|--------------------------------|----|
| 2.3.1 Perbezaan Kaum           | 23 |
| 2.4 Faktor Sosioekonomi        | 25 |
| 2.4.1 Tahap Pendidikan Ibubapa | 27 |
| 2.5 Faktor Peribadi            | 27 |
| 2.5.1 Konsep sendiri           | 29 |
| 2.5.2 Penglibatan Ibubapa      | 29 |
| 2.5.3 Gaya Pembelajaran        | 31 |
| 2.6 Faktor Persekitaran        | 33 |
| 2.6.1 Kemudahan Belajar        | 33 |
| 2.6.2 Peranan Guru             | 33 |

### **BAB 3 METODOLOGI**

|   |    |
|---|----|
| 3.1 Pengenalan                                    | 35 |
| 3.2 Bahan   | 37 |
| 3.2.1 Sumber Data                                 | 37 |
| 3.2.2 PembolehUbah                                | 38 |
| 3.3 Kaedah Statistik                              | 38 |
| 3.4 Analisis Faktor                               | 39 |
| 3.5 Ujian-t sampel tidak bersandar                | 40 |
| 3.6 Korelasi                                      | 44 |
| 3.7 Analisis faktor                               | 47 |
| 3.8 Peringkat Analisis Faktor                     | 48 |
| 3.8.1 Analisis Matriks Korelasi                   | 49 |
| 3.8.2 Ujian Bartlett dan KMO (Kaiser-Meyer-Olkin) | 50 |
| 3.8.3 Nilai Eigen                                 | 52 |
| 3.8.4 Varians                                     | 55 |
| 3.8.5 Komunaliti                                  | 56 |
| 3.8.6 <i>Scree Plot</i>                           | 57 |
| 3.8.7 Putaran                                     | 58 |



## **BAB 4 KEPUTUSAN DAN ANALISIS DATA**

|      |  |    |
|------|--|----|
| 4.1  | Pengenalan                                 | 60 |
| 4.2  | Statistik Perihalan                        | 61 |
| 4.3  | Analisis Reliabiliti                       | 62 |
| 4.4  | Korelasi                                   | 62 |
| 4.5  | Ujian-t sampel tidak bersandar             | 65 |
| 4.6  | Analisis Matriks Korelasi                  | 66 |
| 4.7  | Ujian Bartlett dan KMO                     | 68 |
| 4.8  | Nilai Eigen                                | 69 |
| 4.9  | Varians                                    | 71 |
| 4.10 | Komunaliti                                 | 72 |
| 4.11 | Analisis faktor                            | 74 |
| 4.12 | Model Analisis Faktor                      | 79 |
| 4.13 | Taburan min markah berdasarkan personaliti | 81 |
| 4.14 | Taburan min markah berdasarkan jantina     | 89 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

|     |                      |    |
|-----|----------------------|----|
| 5.1 | Pengenalan           | 92 |
| 5.2 | Jantina              | 93 |
| 5.3 | Berat dan Ketinggian | 95 |
| 5.4 | Penglihatan          | 95 |
| 5.5 | Personaliti          | 95 |
| 5.6 | Kelemahan Kajian     | 97 |
| 5.7 | Kesimpulan           | 98 |
| 5.8 | Cadangan             | 99 |

|         |     |
|---------|-----|
| RUJUKAN | 101 |
|---------|-----|



## SENARAI RAJAH

| No.Rajah  | Halaman |
|---|---------|
| 3.1 Hubungan nilai eigen dengan bilangan faktor                     | 57      |
| 4.1(a) Hubungan nilai eigen dengan bilangan faktor ( matapelajaran) | 70      |
| 4.1(a) Hubungan nilai eigen dengan bilangan factor ( personaliti)   | 70      |



## SENARAI JADUAL

| No.Jadual   | Halaman |
|---|---------|
| 4.1 Bilangan pelajar mengikut jantina dan bangsa  | 61      |
| 4.2 Bilangan pelajar berdasarkan tingkatan dan penglihatan  | 62      |
| 4.3 Korelasi antara Indeks Jisim Badan dengan markah purata bagi setiap pelajar   | 63      |
| 4.4 Korelasi antara ( Indeks Jisim Badan) dengan markah setiap subjek: Bahasa Melayu,Bahasa Inggeris, Sejarah, Kimia dan EST                            | 64      |
| 4.5 Korelasi antara Indeks Jisim Badan dengan markah setiap subjek: Fizik, Matematik, Matematik Tambahan, Pendidikan Moral/Pendidikan Agama dan Biologi | 64      |
| 4.6 Ujian kewujudan perbezaan pencapaian akademik dari segi penglihatan dengan menggunakan ujian-t sampel tidak bersandar.                              | 65      |
| 4.7 Ujian kewujudan perbezaan sikap pelajar ( personaliti) dari segi jantina dengan menggunakan ujian-t sampel tidak bersandar.                         | 66      |
| 4.8 Matriks korelasi bagi mata pelajaran  | 67      |
| 4.9 Matriks korelasi bagi personaliti   | 68      |
| 4.10 (a) Ujian Bartlett dan KMO bagi mata pelajaran   | 69      |
| 4.10 (b) Ujian Bartlett dan KMO bagi personaliti  | 69      |
| 4.11 Jumlah varians yang dijelaskan (mata pelajaran)  | 71      |
| 4.12 Jumlah varians yang dijelaskan (personaliti)   | 72      |
| 4.13 Nilai Komunaliti (mata pelajaran)  | 73      |
| 4.14 Nilai Komunaliti (personaliti)   | 74      |
| 4.15 Matriks Faktor (Mata pelajaran)  | 75      |
| 4.16 Matriks Faktor (personaliti)   | 75      |
| 4.17 Matriks faktor bagi mata pelajaran selepas putaran   | 76      |
| 4.18 Matriks faktor bagi personaliti selepas putaran  | 77      |
| 4.19 Ringkasan faktor 1 dan faktor 2 bagi mata pelajaran  | 78      |
| 4.20 Ringkasan faktor 1 dan faktor 2 bagi personaliti   | 79      |





## SENARAI JADUAL

| No.Jadual   | Halaman |
|---|---------|
| 4.1 Bilangan pelajar mengikut jantina dan bangsa  | 61      |
| 4.2 Bilangan pelajar berdasarkan tingkatan dan penglihatan  | 62      |
| 4.3 Korelasi antara Indeks Jisim Badan dengan markah purata bagi setiap pelajar   | 63      |
| 4.4 Korelasi antara ( Indeks Jisim Badan) dengan markah setiap subjek: Bahasa Melayu,Bahasa Inggeris, Sejarah, Kimia dan EST                            | 64      |
| 4.5 Korelasi antara Indeks Jisim Badan dengan markah setiap subjek: Fizik, Matematik, Matematik Tambahan, Pendidikan Moral/Pendidikan Agama dan Biologi | 64      |
| 4.6 Ujian kewujudan perbezaan pencapaian akademik dari segi penglihatan dengan menggunakan ujian-t sampel tidak bersandar.                              | 65      |
| 4.7 Ujian kewujudan perbezaan sikap pelajar ( personaliti) dari segi jantina dengan menggunakan ujian-t sampel tidak bersandar.                         | 66      |
| 4.8 Matriks korelasi bagi mata pelajaran  | 67      |
| 4.9 Matriks korelasi bagi personaliti   | 68      |
| 4.10 (a) Ujian Bartlett dan KMO bagi mata pelajaran   | 69      |
| 4.10 (b) Ujian Bartlett dan KMO bagi personaliti  | 69      |
| 4.11 Jumlah varians yang dijelaskan (mata pelajaran)  | 71      |
| 4.12 Jumlah varians yang dijelaskan (personaliti)   | 72      |
| 4.13 Nilai Komunaliti (mata pelajaran)  | 73      |
| 4.14 Nilai Komunaliti (personaliti)   | 74      |
| 4.15 Matriks Faktor (Mata pelajaran)  | 75      |
| 4.16 Matriks Faktor (personaliti)   | 75      |
| 4.17 Matriks faktor bagi mata pelajaran selepas putaran   | 76      |
| 4.18 Matriks faktor bagi personaliti selepas putaran  | 77      |
| 4.19 Ringkasan faktor 1 dan faktor 2 bagi mata pelajaran  | 78      |
| 4.20 Ringkasan faktor 1 dan faktor 2 bagi personaliti   | 79      |



| No.Jadual   | Halaman |
|---|---------|
| 4.21 Pekali matriks bagi skor faktor matapelajaran          | 80      |
| 4.22 Pekali matriks bagi skor faktor personaliti            | 81      |
| 4.23 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap kelakuan      | 82      |
| 4.23 (b) Min markah subjek konsep terhadap kelakuan         | 82      |
| 4.24 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap keyakinan     | 83      |
| 4.24 (b) Min markah subjek konsep terhadap keyakinan        | 83      |
| 4.25 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap kerjasama     | 84      |
| 4.25 (b) Min markah subjek konsep terhadap kerjasama        | 84      |
| 4.26 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap kerajinan     | 85      |
| 4.26 (b) Min markah subjek konsep terhadap kerajinan        | 85      |
| 4.27 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap tanggungjawab | 86      |
| 4.27 (b) Min markah subjek konsep terhadap tanggungjawab    | 86      |
| 4.28 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap dayausaha     | 87      |
| 4.28 (b) Min markah subjek konsep terhadap dayausaha        | 87      |
| 4.29 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap pergaulan     | 88      |
| 4.29 (b) Min markah subjek konsep terhadap pergaulan        | 88      |
| 4.30 (a) Min markah subjek kemahiran terhadap perawakan     | 89      |
| 4.30 (b) Min markah subjek konsep terhadap perawakan        | 89      |
| 4.31 (a) Min markah subjek kemahiran berdasarkan jantina    | 90      |
| 4.31 (b) Min markah subjek konsep berdasarkan jantina       | 91      |



## SENARAI RAJAH

| No.Rajah  | Halaman |
|---|---------|
| 3.1 Hubungan nilai eigen dengan bilangan faktor                     | 57      |
| 4.1(a) Hubungan nilai eigen dengan bilangan faktor ( matapelajaran) | 70      |
| 4.1(a) Hubungan nilai eigen dengan bilangan factor ( personaliti)   | 70      |



## SENARAI SIMBOL

|                |                               |
|----------------|-------------------------------|
| $\sum$         | jumlah                        |
| $H_0$          | hipotesis nol                 |
| $H_1$          | hipotesis alternatif          |
| =              | sama dengan                   |
| $\chi^2$       | nilai khi kuasa dua           |
| $\geq$         | lebih besar atau sama dengan  |
| $\leq$         | lebih kurang atau sama dengan |
| $\sqrt{\quad}$ | punca kuasa dua               |



## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Pencapaian akademik dapat dimaksudkan sebagai pencapaian semasa seseorang pelajar berdasarkan peperiksaan yang diberikan oleh pihak sekolah sama ada ujian bulanan atau peperiksaan semester. Menurut Hussein (1993), masyarakat di negara kita meletakkan nilai yang tinggi terhadap kecemerlangan pelajar dalam pencapaian akademik. Ini adalah kerana setiap ibubapa menginginkan anaknya berjaya dalam pelajaran memandangkan kemudahan dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi luas terbuka, asalkan pelajar mendapat kecemerlangan dalam peperiksaan akademik. Selain itu, kecemerlangan dalam pencapaian akademik merupakan syarat utama kelayakan kemasukan di kebanyakan institusi pengajian tinggi di negara kita.

Pada masa yang sama, pembangunan negara dalam bidang ekonomi pula memerlukan tenaga pekerja yang mahir dan profesional dalam bidang-bidang tertentu seperti perubatan, bioteknologi, kejuruteraan dan juga perguruan. Ini menunjukkan bahawa dengan memperolehi pencapaian akademik yang tinggi, seseorang pelajar



dapat memiliki kerjaya yang dapat menjamin masa depannya. Selain itu, kelulusan akademik yang cemerlang juga dapat meningkatkan kualiti hidup seseorang individu kerana pencapaian akademik yang baik mempunyai korelasi yang tinggi dengan pendapatan dan seterusnya dengan taraf hidup seseorang (Hussein, 1993).

Keprihatinan masyarakat terhadap kecemerlangan pendidikan dapat dilihat jelas menerusi penglibatan mereka dalam mesyuarat Persatuan Ibumama dan Guru yang diadakan setiap tahun di setiap sekolah rendah dan menengah. Penekanan pihak Kementerian Pendidikan terhadap pencapaian akademik pula dapat dilihat menerusi penghargaan khas kepada sekolah yang mempunyai kelulusan akademik yang baik serta pemberian biasiswa untuk menggalakkan para pelajar meningkatkan lagi kecemerlangan mereka dalam akademik. Kerajaan kita juga memberi perhatian serius terhadap pencapaian akademik seseorang individu. Ini dapat dilihat menerusi Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Maka pada masa kini, adalah amat penting bagi pelajar sekolah menengah untuk melengkapkan diri mereka secara akademik supaya dapat bersaing untuk mendapatkan pekerjaan yang memerlukan ilmu pengetahuan dan juga berteknologi tinggi. Menurut Parker *et al.* (2004), apabila seseorang pelajar tidak dapat melengkapkan diri mereka secara akademik, ia akan memberi kesan yang buruk terhadap masyarakat dan juga individu tersebut. Antara contoh kesan tersebut ialah kadar pengangguran yang tinggi, pendapatan yang rendah serta peningkatan masalah kesihatan yang dapat dikaitkan dengan pemberhentian seseorang pelajar daripada sekolah .



Menurut Parker *et al.* (2004), antara kesan terhadap sesuatu bandar disebabkan pemberhentian seseorang pelajar di Amerika Syarikat daripada hanya sebuah sekolah di daerah adalah dianggarkan kehilangan \$3.2 billion pendapatan serta kos perkhidmatan sosial sebanyak \$400 million. Tidak pula termasuk dalam kos ini ialah kesan terhadap kualiti kehidupan seseorang individu.

Memandangkan perhatian yang semakin meningkat terhadap pencapaian akademik pelajar, terdapat banyak kajian yang terlibat untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik di sekolah. Kebanyakan kajian awal tertumpu kepada faktor kognitif. Memandangkan faktor kognitif hanya memberi variasi yang rendah terhadap kejayaan akademik, para pengkaji telah menyedari perlunya untuk mempelajari faktor-faktor yang berpotensi mempengaruhi pencapaian akademik secara meluas. Dengan itu, faktor sosioekonomi, hubungan rakan sebaya dan kualiti sesebuah institusi juga telah dikaitkan dengan kejayaan akademik seseorang pelajar di sekolah menengah (Parker *et al.*, 2004).

Faktor fizikal seperti jantina, tinggi dan berat serta penglihatan turut mempengaruhi pencapaian akademik seseorang pelajar. Fizikal merupakan salah satu faktor yang menimbulkan variasi atau perbezaan di kalangan individu. Maka fizikal dapat dimaksudkan sebagai perbezaan yang boleh dilihat dengan mata kasar dari segi rupa paras, susuk badan, berat dan tinggi, jantina, kecacatan anggota, kemahiran fizikal serta kebolehan kerja tangan (Abdul Rahim, 2001).

Jantina merupakan perbezaan seseorang individu yang ditentukan berdasarkan kepada anatomi pembiakan. Perbezaan anatomi pembiakan di kalangan manusia





menunjukkan terdapat dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Menurut Hyde *et al.* (1990), perbezaan jantina dalam pencapaian akademik wujud dalam subjek matematik. Menurut kajiannya, pelajar lelaki mempunyai skor yang lebih tinggi dalam matematik berbanding pelajar perempuan.

Selain faktor fizikal, personaliti seseorang pelajar turut mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Personaliti berasal dari perkataan Latin “*Pesona*”, yang membawa maksud topeng atau pelindung muka iaitu merujuk kepada penampilan luaran seseorang individu. Menurut ahli psikologi, personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi dan kebiasaan. Menurut Murugiah (1996), personaliti ialah perwatakan yang lahir daripada seseorang tanpa dipengaruhi oleh faktor persekitaran.

Menurut Crow dan Crow (1969) pula, personaliti dapat dinyatakan sebagai sesuatu yang dinamik dan merujuk kepada tingkah laku secara menyeluruh serta mewakili gabungan antara potensi yang diwarisi dan pengaruh persekitaran. Konsep personaliti dapat disimpulkan sebagai jangkakan tingkah laku secara keseluruhan yang boleh diperhatikan dan dinilai secara objektif oleh orang lain (Boon dan Ragbir, 1998).

Menurut Murugiah (1996), personaliti seseorang pelajar amat mempengaruhi gaya pembelajarannya. Seseorang pelajar yang mempunyai ciri personaliti berdikari akan belajar dengan lebih berkesan menerusi teknik penemuan. Pelajar tersebut akan cuba mencari jawapan dan maklumat melalui kajian atau eksperimen yang dilakukan. Seseorang pelajar yang kurang berdikari dan bergantung kepada orang lain pula tidak





mengamalkan gaya pembelajaran ini. Mereka akan belajar dengan lebih berkesan menerusi bimbingan guru dan rakan sebaya.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut kajian Yen (2004), peramalan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik menjadi amalan biasa dalam pendidikan sebagai salah satu cara untuk membantu membuat keputusan yang berkaitan pemilihan pelajar, penempatan pelajar serta untuk tujuan diagnosis. Didapati keinginan untuk meramal punca yang mempengaruhi pencapaian akademik wujud disebabkan beberapa faktor. Salah satu faktornya ialah keperluan di institusi pengajian tinggi untuk memilih pelajar yang menunjukkan potensi akademik. Faktor kedua ialah untuk mendiagnosis pelajar yang berkemungkinan menghadapi masalah disebabkan pencapaian akademik. Tujuan diagnosis ini adalah supaya pelajar ini dapat diberi pemulihan pada masa yang diperlukan. Para pendidik percaya bahawa diagnosis dan pemulihan awal terhadap masalah pembelajaran dapat memaksimumkan kebaikan rawatan dan meminimumkan komplikasi seterusnya.

Tramontana *et al.* (1988) telah mengkaji 74 kajian yang diterbitkan di antara tahun 1973 hingga 1986 di mana pencapaian sekolah tadika telah digunakan untuk menentukan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian gred di sekolah. Kajian mereka menunjukkan terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar seperti kebolehan kognitif, penyediaan atau kemahiran akademik, penguasaan bahasa, kemahiran motor, fungsi kelakuan dan emosi, personaliti, imej sendiri, motivasi untuk pencapaian, kelakuan dan tabiat pembelajaran, hubungan



rakan sebaya, hubungan pelajar dengan guru serta faktor demografi. Sesetengah faktor didapati lebih efektif berbanding faktor-faktor lain dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

Menurut Alias Baba (1989), terdapat tiga jenis faktor yang memberi kesan kepada hasil pembelajaran seseorang pelajar. Faktor pertama dikategorikan sebagai input dari pelajar yang terdiri dari faktor latar belakang, faktor kebolehan dan sifat peribadi. Faktor latar belakang merangkumi faktor sosiologikal seperti status sosioekonomi, struktur keluarga dan interaksi dalam keluarga. Faktor kebolehan dan sifat peribadi merangkumi faktor psikologi seperti kemahiran belajar, kebiasaan belajar, aptitud, jantina dan umur.

Faktor kedua pula ialah proses pendidikan yang merangkumi faktor-faktor seperti kaedah pengajaran, aktiviti pembelajaran, suasana bilik darjah, kemudahan di sekolah, jenis sekolah, jenis kurikulum dan personaliti guru.

Faktor ketiga pula merangkumi sikap, motivasi, aspirasi dan harapan yang dinamakan sebagai kumpulan perantaraan. Kumpulan ini dipengaruhi oleh latar belakang, sifat peribadi pelajar dan proses pendidikan yang seterusnya mempengaruhi hasil pembelajaran. Selain dari tiga kumpulan ini, mungkin terdapat faktor-faktor lain yang tidak diketahui yang mempengaruhi hasil pembelajaran yang mana kumpulan ini dikategorikan sebagai pengaruh lain.

Menurut kajian Pajares dan Valiante (2001), pelajar lelaki dan perempuan mempunyai tahap motivasi dan keyakinan yang berbeza terhadap akademik. Ini





menyebabkan wujudnya pengaruh jantina terhadap pencapaian akademik. Beberapa kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan menunjukkan keyakinan tinggi dalam mempelajari bahasa berbanding pelajar lelaki.

Menurut Fergusson dan Horwood (1997), kepentingan semakin diberi terhadap ekuiti jantina di dalam kelas di New Zealand. Ini adalah kerana terdapat pencapaian akademik yang rendah di kalangan pelajar perempuan dalam sistem pendidikan di New Zealand. Terdapat dua bukti yang menyokong pernyataan tersebut. Yang pertama ialah terdapat bukti yang menunjukkan pelajar perempuan mempunyai kejayaan akademik yang rendah dalam peperiksaan yang diadakan di sekolah dan mempunyai peluang yang rendah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi terutamanya dalam bidang sains dan matematik. Bukti kedua pula menunjukkan corak interaksi dalam kelas menunjukkan pelajar lelaki lebih dominan dan terkenal dalam hubungan sesama pelajar dan antara guru dengan pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Hyde *et al.* (1990) menunjukkan bahawa beberapa langkah perlu diambil untuk mengurangkan jurang perbezaan dalam pencapaian matematik di kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Antara langkah yang disarankan ialah mengajar pelajar perempuan cara menyelesaikan masalah matematik sejak peringkat awal persekolahan. Langkah juga harus diambil untuk mengubah persepsi dan pandangan pelajar perempuan terhadap pembelajaran matematik.

Obesiti di kalangan pelajar menyebabkan masalah fizikal dan mental untuk jangka masa panjang seperti diabetes, sakit jantung serta masalah psikologi seperti kerisauan. Menurut Datar *et al.* (2004), keadaan ini menyebabkan pelajar yang



mengalami obesiti mempunyai pencapaian akademik yang lebih rendah berbanding rakan sebaya mereka yang lain serta keyakinan diri yang rendah.

Menurut Murugiah (1996), jenis personaliti yang berlainan mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang pelajar. Pelajar yang mempunyai personaliti introvert iaitu individu yang tidak suka bergaul dan bersifat pendiam memerlukan pujian sebagai peneguhan kepada setiap perlakuan positifnya. Mereka juga lebih gemar belajar secara berseorangan dan bersikap mementingkan diri sendiri.

Pelajar yang bersikap ekstrovert mempunyai ciri-ciri seperti dapat menyesuaikan diri dengan mudah, suka bersosial dan suka bekerja bersama orang lain. Mereka tidak terpengaruh dengan pujian daripada guru untuk terus berusaha. Individu yang mempunyai personaliti ini suka belajar secara berkumpulan, berbincang, serta sentiasa bertukar pendapat dengan orang lain (Murugiah, 1996).

Pelajar yang mempunyai sikap bekerjasama dengan orang lain memperoleh pelbagai kebaikan secara akademik. Menurut Sabri (2003), sikap bekerjasama membolehkan seseorang pelajar belajar secara berkumpulan dengan orang lain. Pembelajaran secara berkumpulan merangsang minat dan motivasi pelajar yang terbabit untuk meningkatkan lagi usaha dengan cara berbincang antara satu sama lain. Dalam proses pembelajaran, belajar secara berkumpulan juga sangat berguna sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah yang membolehkan fakta dan teori ditukarkan kepada perspektif yang lebih meluas.





## RUJUKAN

- Abdul Rahim M.Ali. 2001. *Pendidikan di Malaysia dan Psikologi Pendidikan*. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Alias Baba. 1989. Beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian dalam matapelajaran Kimia. *Jurnal Pendidikan* 13, 19-27.
- Boon Pon Ying dan Ragbir Kaur. 1998. *Psikologi I- Semester 1*. Fajar Bakti, Kuala Lumpur.
- Carmines, E.G. dan Zeller, R.A. 1994. Reliability and Validity Assessment. Dlm: Lewiss-Beck, m.s. (penyt.). *Basic Measurement*. Volume 4. Sage Publication Ltd, London.
- Coakes, S. J. dan Steed, L. G. 2003. *SPSS: Analysis without Anguish*. John Wiley and Sons Australia, Ltd, Sydney.
- Cole, T. J., Bellizzi, M. C., Flegal, K. M. dan Dietz, W. H. 2000. Establishing a standard definition for child overweight and obesity worldwide: international survey. *British Medical Journal* 320, 1240.
- Comeaux, E. 2005. Environmental Predictors of Academic Achievement Among Student-Athletes in the Revenue-Producing Sport's of Men's Basketball and Football. *The Sport Journal* 8 (3).
- Crow, L. D. dan Crow, A. 1969. *Educational Psychology*. Eurasia Publishing House, New Delhi.
- Darlington, R. B., Factor Analysis. <http://comp9.psych.cornell.edu/Darlington/factor.htm>



- Daniels, S. R., Khoury, P. R. dan Morrison, J. A. 1997. The utility of Body Mass Index as a Measure of Body Fatness in Children and Adolescents: Differences by Race and Gender. *Pediatrics* **99**, 804-807
- Davidson, R. A. 2002. Relationship of study approach and exam performance. *Journal of Accountant Education* **20** (1), 29-44.
- Datar, A., Sturm, R., dan Magnabosco, L. J. 2004. Childhood Overweight and Academic Performance: National Study of Kindergartners and First- Graders. *Obesity Research* **12**, 58-68.
- Duff, A., Boyle, E., Dunleavy, K. dan Ferguson, J. 2004. The relationship between personality, approach to learning and academic performance. *Personality and Individual Differences* **36**, 1907-1920.
- Elifson, K., Runyon, R. P. dan Haber, A. 1998. *Fundamentals of Social Statistics*. 3rd ed. McGraw-Hill, Singapore.
- Fergusson, D. M. dan Horwood, L. J. 1997. Gender differences in educational achievement in a New Zealand birth cohort. *New Zealand Journal of Educational Studies* **32** (1), 83-96.
- Fox, J. A., Levin, J. dan Harkins, S. 1993. *Elementary Statistics in Behavioral Research*. HarperCollins College Publishes, New York.
- Ghait, G. M. 2002. The relationship between cooperative learning, perception of social support, and academic achievement. *System*, **30** (3), 263-273.
- Hyde, J. S., Fennema, E. dan Lamon, S. J. 1990. Gender Differences in Mathematics Performance. *Psychological Bulletin* **107** (2), 139-155.
- Hussein Mahmood. 1993. *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.



- Kim, J. O. dan Mueller, C. W. 1994. Factor Analysis: Statistical Methods and Practical Issues. Dlm: Lewis-Beck, M.S., (pnyt.), *Factor Analysis and Related Techniques*. Toppan Company, Singapore.
- Kobal, D. dan Musek, J. 2001. Self concept and academic achievement: Slovenia and France. *Personality and Individual Differences* **30** (5), 887-889.
- Komaraju, M. dan Karau, S. J. 2005. The relationship between the big five personality traits and academic motivation. *Personality and Individual Differences* **39** (3), 557-567.
- Lummis, M. dan Stevenson, H. W. 1990. Gender differences in beliefs and achievement: A cross-cultural study. *Developmental Psychology* **26**, 254-263.
- Maples W. C. 2003. Visual factors that significantly impact academic performance. *Optometry* **74** (1), 35-39.
- Martin, J. H., Montgomery, R. L. dan Saphian, D. 2006. Personality, achievement test Scores and high school percentile as predictors of academic performance across four years of course. *Journal of Research in Personality* **40** (4), 424-431.
- Murugiah Velayutham. 1996. *Psikologi Pendidikan 1: Psikologi Perkembangan*. Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Newbold, P., Carlson, W. L. and Thorne, B. M. 2003. *Statistics for Business and Economics*. 5th ed. Pearson Education, Inc., New Jersey.
- Norusis, M. J. 1994. *SPSS 6.1 Base System User's Guide Part 2*. SPSS, Inc, Chicago.
- Pajares, F. dan Valiante, G. 2001. Gender Differences in Writing Motivation and Achievement of Middle School Students: A Function of Gender Orientation? *Contemporary Educational Psychology* **26**, 366-381.





- Parker, J. D. A., Creque, R. E., Sr, Barnhart, D. L., Jan Irons Harris, Majeski, S. A., Wood, L. M., Bond, B. J. dan Hogan, M. J. 2004. Academic achievement in high school: does emotional intelligence matter? *Personality and Individual Differences* **37** (7), 1321-1330.
- Payne, M. R. 2003. The differential impact of family characteristics on the academic achievement of black and white youth. *Race and Society* **6** (2), 141-162.
- Peers, I. 1996. *Statistical Analysis for Education and Psychology Researchers*. Falmer Press, London.
- Pohlmann, J. T., Factor Analysis Glossary. [www.siu.edu/~epse1/pohlmann/factglos/](http://www.siu.edu/~epse1/pohlmann/factglos/).
- Pulford, B. D. dan Harjit Sohal. 2006. The influence of personality on HE students' confidence in their academic abilities. *Personality and Individual Differences* **41**, 1409- 1419
- Rost, H. D., Sparfeldt, R. J., Dickhauser, O. and Schilling, R. S. 2005. Dimensional comparisons in subject-specific academic self concepts and achievements: A quasi experimental approach. *Learning and Instruction* **15** (6), 557-570.
- Sabri Ahmad. 2003. *Kemahiran Belajar Berkesan*. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Sillins, H. C. and Murray- Harvey, R. 2000. Student as a central concern. School, students and outcome measure. *Journal of Education Administration* **38** (3), 230-246.
- Snedecor, G. W. dan Cochran, W. G. 1989. *Statistical Methods*. 8th ed. Iowa State University Press, Iowa.
- Spenner, K. I., Buchmann, C. dan Landerman, L. R. 2004. The black white achievement gap in the first college year: Evidence from a new longitudinal case study. *Research in Social Stratification and Mobility* **22**, 187-216.





- Supplee, L. H., Shaw, D. S., Hailsyones, K. dan Hartman, K. 2004. Family and child influences on early academic and emotion regulatory behaviors. *Journal of School Psychology* **42** (3), 221-242.
- Taylor, K. M., and Schmidt P. 1996. Effect of oculomotor and other visual skills on reading performance. *Optometry and Vision Science* **73** (4), 283-292.
- Tilson, C. B. 2001. *Examining At-Risk Students Based on Their Attitudes Toward Educational Factors: Is there a gender difference in identification of At-Risk Students?* Dissertation for Doctor of Education, East Tennessee State University. <http://etd-review.etsu.edu/ETD-db/ETD-browse/browse?>
- Tinsley, H. E. A., dan Tinsley, D. J. 1987. Uses of Factor Analysis in Counseling Psychology Research. *Journal of Counseling Psychology* **34** (4), 414-424.
- Tramontana, M. G., Hooper, S. R. dan Selzer, S. C. 1988. Research on the preschool prediction of later academic achievement: A review. *Developmental Review* **8**, 89-146.
- Walsh, A. 1990. *Statistics for the Social Sciences With Computer Applications*. Harper and Row, Publishesr, New York.
- Weisstein, E. 2006. Eigenvalue. [mathworld.wolfram.com/Eigenvalue.html](http://mathworld.wolfram.com/Eigenvalue.html)
- Westerberg, B. D., Skowranski, D. M., Stewart, I. F., Stewart, L. Bernauer, M. dan Mudarikwa, L. 2005. Prevalence of hearing loss in primary school children in Zimbabwe. *International Journal of Pediatric Otorhinolaryngology* **69** (4), 517-525.
- White, J. N. 2001. *Socioeconomic, Demographic, Attitudinal and Involvement Factors Associated with Math Achievement in Elementary School*. Dissertation for Doctor



of Education, East Tennessee State University. <http://etd-review.etsu.edu/ETD-db/ETD-browse/browse?>

Wickrama, K. A. T, Wickrama, K. A. S dan Bryant. 2006. Community influences on Adolescent Obesity: Race/Ethnic Differences. *Journal of Youth and Adolescence* 35 (4), 647-657.

Yen, C., Konold, T. R. dan McDermott, P. A. 2004. Does learning behavior augment cognitive ability as an indicator of academic achievement? *Journal of School Psychology* 42 (2), 157-169.

